

KECENDERONGAN PEMILIHAN REKA BENTUK PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DI SEBUAH KAMPUS INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPGK)

Khairani Zakariya (Ph.D),¹ Punitha Muniandy (Ph.D)²
Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi,^{1,2}
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
ipgm-0541@moe-dl.edu.my¹

Abstrak

Selaras hasrat KPM untuk menjadikan IPG sebagai sebuah institusi latihan guru bertaraf dunia, standard penyelidikan juga perlu ditingkatkan. Kajian ini bertujuan untuk melihat kecenderungan dan faktor pemilihan reka bentuk penyelidikan serta hubungan faktor pengetahuan dengan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar Tahun 4. Kajian dijalankan adalah berbentuk tinjauan menggunakan borang soal selidik. Seramai 191 pelajar IPGK dari pelbagai bidang pengajian telah menjawab soal selidik tersebut. Data kajian dianalisis menggunakan pakej perisian statistik The Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0. Analisis min dan sisihan piawai bagi melihat faktor dan kecenderungan pemilihan rekabentuk. Manakala statistik inferens iaitu analisis korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Tahap pengetahuan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan dalam kalangan pelajar IPGK berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.39. Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana dan bersifat negatif antara tahap pengetahuan pelajar mengenai penyelidikan dan kecenderungan dalam memilih reka bentuk penyelidikan. Secara keseluruhan kajian menunjukkan pelajar Tahun 4 mempunyai tahap pengetahuan terhadap pelbagai reka bentuk penyelidikan bersifat sederhana tinggi dan kecenderungan memilih rekabentuk adalah neutral selaras dengan dapatan kajian keempat iaitu walaupun tahap pengetahuan pelajar meningkat, namun faktor tersebut tidak mempengaruhi pemilihan mana-mana reka bentuk penyelidikan. Ini menunjukkan masih ada faktor-faktor selain pengetahuan yang mempengaruhi kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar Tahun 4.

Kata kunci: Rekabentuk, asas penyelidikan, kertas projek

Abstract

In line with the Ministry of Education's aspiration to establish Teacher Education Institutes (TEI) as a world-class teacher training institution, the research standards must also be elevated. This study aims to examine the tendencies and factors influencing the selection of research designs, as well as the relationship between knowledge factors and research design selection among Year 4 students. This survey study was conducted using a questionnaire. A total of 191 respondents from various fields of study responded to the questionnaire. The data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 26.0. Descriptive statistics such as mean and standard deviation were used to examine the factors and tendencies in research design selection. Inferential statistics, specifically Pearson correlation analysis, were used to test the study's hypotheses. The level of knowledge in selecting research designs among students was found to be moderately high, with a mean score of 3.39. Correlation analysis indicated a moderate and negative relationship between students' knowledge of research and their tendency to choose specific research designs. Overall, the study shows that Year 4 students possess a moderately high level of knowledge about various research designs, but their tendency to select any particular design remains neutral. This aligns with the findings of the fourth objective, which indicate that although students' knowledge increases, this factor does not influence their choice of research design. This suggests that there are other factors beyond knowledge that affect the tendency to choose a research design among Year 4 students.

Keywords: Design, basic research, project paper

PENGENALAN

Dasar Penyelidikan dan Inovasi Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan inisiatif baharu bagi menyokong Kluster 3, Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi, bagi menyokong transformasi IPGM (Transformasi Institusi Pendidikan Guru 2016-2025 Edisi Kedua). Hala tuju penyelidikan dan inovasi IPG adalah untuk meningkat dan memperkasakan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi. Penyelidikan dan inovasi merupakan sebahagian daripada tanggungjawab dan amanah dalam kalangan pensyarah dan pelajar

masing-masing dalam usaha meningkatkan amalan pendidikan bertaraf antarabangsa. Hala tuju penyelidikan dapat dicapai melalui pemantapan perancangan dan pengurusan penyelidikan, pembangunan kepakaran pensyarah dalam bidang penyelidikan, pemantapan pangkalan data penyelidikan, dan peningkatan kualiti dan pengantarabangsaan penyelidikan (Dasar Penyelidikan dan Inovasi IPG Edisi 2).

Selaras hasrat KPM untuk menjadikan IPG sebagai sebuah institusi latihan guru bertaraf dunia, standard penyelidikan juga perlu ditingkatkan. Pelajar IPG perlu didedahkan dengan pelbagai jenis penyelidikan berbanding hanya tertumpu kepada penyelidikan tindakan sahaja. Mulai 2018, sebanyak empat lagi bentuk penyelidikan telah diperkenalkan dalam kursus Asas Penyelidikan dalam Pendidikan dan Penyelidikan dalam Pendidikan–Kertas Projek. Keempat-empat jenis reka bentuk penyelidikan tersebut ialah penyelidikan tinjauan, penyelidikan eksperimen / kuasi-eksperimen, penyelidikan etnografi dan kajian kes selain penyelidikan tindakan yang sedia ada. Pelajar diberi peluang lebih terbuka untuk meneroka bidang penyelidikan yang mereka inginkan. Keempat-empat reka bentuk penyelidikan tersebut merupakan proses ilmiah yang melibatkan aktiviti mengumpul, mengolah, menguji dan mentafsir data hingga kepada penulisan kesimpulan menggunakan kaedah dan teknik penyelidikan bagi mencari penyelesaian atau jawapan kepada isu-isu berkaitan pendidikan. Secara umumnya fungsi penyelidikan pendidikan tersebut adalah untuk mengembangkan ilmu pendidikan, menyelesaikan masalah pendidikan dan menyelidik pembangunan pendidikan negara. Justeru, kajian kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan dalam kalangan pelajar IPGK adalah relevan dan signifikan. Melalui penyelidikan sebegini, pensyarah dapat mengetahui tren pemilihan atau kecenderungan para pelajar dalam menentukan reka bentuk kajian. Di samping menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan rekabentuk dalam meningkatkan profesionalisme penyelidikan.

Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjadikan Institut Pendidikan Guru (IPG) sebuah institusi pendidikan guru yang bertaraf dunia, maka standard penyelidikan juga perlu ditingkatkan. Pelajar IPG perlu didedahkan dengan pelbagai jenis reka bentuk penyelidikan berbanding penyelidikan tindakan sahaja.

Penyataan Masalah

Penyelidikan merupakan satu perkara atau aktiviti yang amat penting bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran serta pengetahuan para pelajar. Melalui penyelidikan satu ilmu baru atau pengetahuan dapat dihasilkan. Dengan penyelidikan juga satu inovasi produk atau produk baru dapat dicipta. Dalam dunia globalisasi ini semua orang berlumba-lumba membuat penyelidikan dan inovasi dalam pelbagai perkara bagi membolehkan mereka bersaing dan sentiasa relevan. Tanpa penyelidikan maka sesebuah organisasi atau negara itu akan ketinggalan zaman dan akan menghadapi masalah dalam memajukan diri, organisasi dan negara (Shaliza, 2017).

Penyelidikan dibuat untuk menguji idea mengenai ciri dan operasi beberapa aspek alam mini. Tanpa bukti kita tidak dapat menyatakan sesuatu kaedah itu lebih baik atau buruk daripada kaedah lain. Begitu juga kita memerlukan bukti untuk menyokong sama ada sesuatu program itu dapat menambah motivasi, minat atau pencapaian pelajar. Satu jalan keluar untuk mencari penyelesaian sesuatu masalah adalah melalui penyelidikan (Shaliza, 2017).

Jantan (2014) menyatakan isu pelaksanaan dan pengamalan penyelidikan di politeknik boleh dirumuskan kepada 3 aspek utama iaitu sikap kekangan masa dan pengetahuan yang cetek dalam ilmu penyelidikan. Lebih mendukacitakan apabila kurangnya inisiatif pihak organisasi dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tentang penyelidikan.

Shaliza (2017) menyatakan faktor yang mempengaruhi kecenderungan penyelidikan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti ialah beban tugas dengan purata min 4.27, diikuti kemudahan fasiliti 4.34, pakar rujuk 3.96, sumber kewangan 2.93.

Justeru, ilmu pengetahuan terhadap sesuatu rekabentuk kajian dalam kalangan pelajar adalah sangat penting bagi memastikan pelajar dapat membuat pilihan wajar terhadap rekabentuk penyelidikan yang akan dijalankan. Kajian ini juga akan memberi gambaran keseluruhan pelajar IPGK terhadap faktor dan corak pemilihan rekabentuk penyelidikan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengkaji tahap pengetahuan pelajar IPGK dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan.
2. Menganalisis kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan.
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK.
4. Mengkaji hubungan antara pengetahuan dengan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK.

Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

1. Apakah tahap pengetahuan pelajar IPGK dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan?
2. Apakah kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK?
4. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dengan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK?

Hipotesis Kajian

Ho1 Tidak terdapat hubungan antara pengetahuan dengan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK.

Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kepada Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi IPGK sebagai pengurus utama penyelidikan dan inovasi. Justeru kajian ini sangat relevan untuk mengenalpasti kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar. Perlu ada kesaksamaan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan, supaya pelajar tidak tertumpu hanya kepada satu jenis penyelidikan selaras dengan dasar dan polisi IPGM. Kajian ini amat penting supaya trend kecenderungan pemilihan rekabentuk dapat dikenal pasti dalam kalangan pelajar IPGK dan usaha memantapkan perancangan dan pengurusan penyelidikan dan Inovasi di IPGK masing-masing dapat dilaksanakan. Maklumat berkaitan pemilihan reka bentuk kajian dalam kalangan pelajar dapat memberi gambaran terhadap tahap pengetahuan dan kecenderungan dalam pemilihan rekabentuk serta sejauh mana aspek pengetahuan mempengaruhi faktor pemilihan. Analisis trend ini akan memberi gambaran keseluruhan terhadap pelaksanaan kursus asas penyelidikan dan kertas projek penyelidikan dalam pendidikan. Justeru JPPI dapat merancang dan menggubal langkah-langkah penambahbaikan agar pelajar dapat membuat pilihan yang diminati serta mempelbagai skop kajian masing-masing.

Batasan Kajian

Kajian melibatkan pelajar ambilan Jun 2020 dan ambilan Jun 2021 dari sebuah IPGK di zon utara. Selain itu kajian dihadkan kepada tempoh masa yang singkat sahaja dan bertumpu pada pelajar yang mengambil kursus asas penyelidikan dan kertas projek sahaja. Data kajian dikumpulkan menerusi instrumen tinjauan melalui soal selidik yang dihantar secara "google form" kepada 242 responden. Namun hanya 191 sahaja yang menjawab soal selidik tersebut. Jenis penyelidikan hanya terhad kepada penyelidikan tindakan, tinjauan, kes dan kuasi eksperimental sahaja. Penyelidikan etnografi tidak dimasukkan dalam kajian ini.


LITERATUR

Menurut Coleman (2013), sosiologi memusatkan perhatian pada sistem sosial, di mana fenomena makro harus dijelaskan oleh faktor internalnya, khususnya oleh faktor individu. Alasan untuk memusatkan perhatian pada individu bertujuan untuk menciptakan perubahan sosial. Perspektif Coleman (2013) ialah bahawa teori sosial tidak hanya merupakan latihan akademik, malah tindakan tersebut harus dapat mempengaruhi kehidupan sosial melalui intervensi tersebut. Intervensi merujuk kepada perubahan yang dibawa oleh seseorang individu yang seterusnya mencipta persekitaran baharu. Individu merupakan agen penting yang mencetus kepada perubahan. Agen yang membawa perubahan ialah tindakan individu tersebut. Kajian terhadap kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar menunjukkan agen utama yang akan menentukan perubahan ialah tindakan pelajar tersebut. Pelajar akan bertindak dengan membuat pilihan rasional mengenai reka bentuk penyelidikan. Fenomena makro adalah merujuk kepada keadaan situasi para responden telah didedahkan dengan keempat-empat jenis reka bentuk penyelidikan. Faktor internal merujuk kepada tindakan atau peranan responden dalam membuat pemilihan terhadap reka bentuk tersebut. Seterusnya pemilihan tersebut akan memberi kesan pada keseluruhan unit sosial yang dikaji iaitu di salah sebuah IPGK.

Teori pilihan rasional Coleman (2013) jelas dengan gagasan dasarnya bahawa tindakan perseorangan mengarah pada suatu tujuan dan tujuan tersebut adalah tindakan yang ditentukan oleh nilai atau preferensi (pilihan). Coleman (2013) menyatakan bahawa memerlukan konsep tepat mengenai faktor rasional yang berasal dari ilmu ekonomi yang melihat faktor memilih tindakan yang dapat memaksimumkan kegunaan ataupun keinginan masing-masing. Perkara tersebut bertepatan dengan teori pilihan rasional yang dibahaskan oleh Barry (1970). Beliau berpandangan bahawa aspek pilihan mempunyai perkaitan secara langsung dengan ekonomi. Pelaku merupakan individu yang mempunyai pilihan pelbagai dan pelaku juga akan membuat pertimbangan secara mendalam setelah meneliti keupayaan untuk menentukan pilihan dan tindakan yang diinginkan (Ritzer et al, 2012)

Rajah 1

Teori Pengambilan Keputusan



(Sumber: Herbert A. Simon, 1977)

Herbert A. Simon (1977) menyatakan proses pengambilan keputusan adalah melibatkan tiga proses utama iaitu kepandaian, jenis/ cara penyelesaian dan pilihan kriteria penyelesaian. Turban (2005) kemudiannya menambah yang keempat adalah implimentasi.

Berasaskan Rajah 1 di atas, kajian menjurus kepada proses membuat pilihan mengenai reka bentuk penyelidikan. Kecenderungan pilihan rekabentuk penyelidikan sangat dipengaruhi oleh faktor kepakaran iaitu pengetahuan dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan. Seterusnya langkah penyelesaian atau pemilihan akan dibentuk sebelum membuat pilihan akhir dalam proses membuat keputusan. Model ini sangat relevan dengan proses membuat pilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK. Pada peringkat awal, pelajar didedahkan dengan pelbagai rekabentuk penyelidikan. Dengan jumlah pengetahuan yang ada, pelajar dapat meneliti setiap rekabentuk yang diberi pilihan. Pada akhirnya proses pilihan secara rasional terhadap rekabentuk akan diputuskan sepenuhnya oleh diri individu.

Seterusnya kajian ini akan mengkaji faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan. Ini kerana berdasarkan kajian lalu didapati banyak kajian berkisar tentang pensyarah seperti kajian oleh Marina (2020) menyatakan terdapat 5 faktor utama penglibatan pensyarah dalam menjalankan penyelidikan iaitu faktor beban tugas, fasiliti/ infrastruktur, kemahiran, pengetahuan dan sumber kewangan. Anita (2023) pula melaporkan bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam

kalangan pensyarah di peringkat kebangsaan bagi tahun 2020 hanya 13 (10.4%) buah kajian berbanding pada tahun 2021 adalah sebanyak 39 (39.7%) buah kajian. Peningkatan penghasilan penyelidikan disebabkan oleh pendedahan bengkel yang diadakan oleh pihak IPGM dan IPGK masing-masing dan adanya komitmen pihak pengurusan sememangnya telah berjaya meningkatkan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Shaliza et al., (2018) juga menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pengurusan kolej komuniti telah menggalakkan lebih ramai pensyarah mereka melakukan penyelidikan.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji dari tahap pengetahuan, kecenderungan jenis reka bentuk penyelidikan dan faktornya serta hubungan antara tahap pengetahuan dan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif merangkumi analisis deskriptif dan inferensi berasaskan instrumen soal selidik. Penyelidikan tinjauan digunakan untuk mendapatkan data dari sampel saiz besar kerana proses menggunakan kaedah lain adalah sukar dan kompleks (Mohd Najib, 2003). Ianya sesuai untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta, kepercayaan dan perasaan responden (Creswell, 2012). Bentuk kajian deskriptif adalah kajian yang membolehkan maklumat mudah dikumpulkan (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2006; Chua, 2011).

Kaedah soal selidik digunakan sebagai alat kajian disebabkan ia adalah suatu kaedah yang biasa digunakan untuk mengumpul data daripada sampel yang ramai (Chua, 2011; Mohd Majid Konting, 2000). Memandangkan pelajar yang terlibat dengan penyelidikan dari semua jabatan agak ramai, jadi kaedah kuantitatif melalui penyebaran soal selidik digunakan. Kajian ini menumpukan kepada kajian kekerapan, min, sisihan piawai dan peratusan sebagaimana dicadangkan oleh Mohd Majid Konting (2000) dan Mohd Najib Abdul Ghafar (2006).


Populasi kajian ini ialah pelajar-pelajar yang mengambil kod kursus 3143 dan kod kursus 3173 dari semua bidang pengajian bagi ambilan Jun 2020 - 2024 dan Jun 2021 - Julai 2025 iaitu seramai 695 orang. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) didapati sampel yang ditetapkan ialah seramai 242 orang. Sampel ini dipilih secara rawak menggunakan teknik persampelan rawak bertujuan dan rawak mudah bagi memastikan setiap sampel mempunyai peluang yang sama untuk dipilih, mengurangkan bias, dan menjadikan sampel lebih representatif terhadap populasi keseluruhan (Chua, 2012; Cresswell & Cresswell, 2018). Setelah diedarkan borang soal selidik hanya 191 orang sahaja responden yang berjaya menjawab soal selidik.

Dalam pengumpulan data untuk kajian ini, instrumen soal selidik digunakan melalui platform *Google Forms*. Soal selidik diedarkan kepada semua pelajar melalui pautan atas talian dan memberi peluang yang sama banyak kepada semua responden kajian. Setelah data dikutip, data dipindahkan dan dibersihkan dalam pangkalan data SPSS. Analisis data deskriptif dan inferens dijalankan bagi menjawab keempat-empat persoalan kajian. Data mengenai item-item dalam soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi untuk menggambarkan taburan data (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2006; Chua, 2011). Antara analisis yang digunakan ialah analisis min, sisihan piawai dan korelasi Pearson.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan profil responden seramai 191 orang yang terdiri daripada 127 orang responden ambilan Jun 2020 dan 64 orang responden ambilan Jun 2021-Julai 2025. Analisis Rajah 2, menunjukkan pecahan bidang pengajian. Majoriti responden adalah daripada JAPIM iaitu 66 orang, diikuti 46 orang daripada JSVM dan 25 orang daripada JPM. 18 orang daripada JPC, 11 orang daripada JPI dan 5 orang daripada JSTEM, 10 orang dari PJK dan 2 dari lain-lain.

Rajah 2
Bidang Pengajian Responden



(Sumber: Soal selidik, 2024)

Dapatan bagi soalan kajian pertama: Tahap pengetahuan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB.

Bahagian ini menerangkan mengenai hasil data yang telah dianalisis berdasarkan 191 borang soal selidik yang dikembalikan. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis menggunakan prosedur deskriptif menerusi perkiraan min, dan kekerapan serta peratusan dengan merujuk kepada interpretasi skor min oleh Wiersma (2011) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2
Interpretasi skor min

| Skor Min | Interpretasi |
|-----------|--------------|
| 1.00-2.00 | Rendah |
| 2.01-3.00 | Sederhana |
| 3.01-4.00 | Tinggi |

(Sumber: Wiersma, 2011)

Dapatan bagi soalan kajian pertama adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3

Tahap Pengetahuan pemilihan reka bentuk penyelidikan

| BIL | ITEM | MIN | SP | Interpretasi |
|------------------------|---|-------------|------------|---------------|
| 1 | Saya tahu bahawa penyelidikan tinjauan memerlukan populasi dan sampel yang besar | 3.46 | .55 | Tinggi |
| 2 | Saya tahu bahawa penyelidikan tinjauan menggunakan instrumen soal selidik sebagai instrumen utama | 3.53 | .51 | Tinggi |
| 3 | Saya tahu bahawa persampelan bagi penyelidikan kes memerlukan pemerhatian yang teliti dengan hanya menumpukan sampel yang kecil (atau jumlah kecil) dalam satu kumpulan | 3.33 | .54 | Tinggi |
| 4 | Saya tahu bahawa bahawa penyelidikan kes boleh menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif | 3.26 | .56 | Tinggi |
| 5 | Saya tahu penyelidikan kuasi eksperimen digunakan untuk menilai keberkesanan suatu program. | 3.24 | .53 | Tinggi |
| 6 | Saya tahu penyelidikan kuasi eksperimen menggunakan dua kumpulan responden | 3.19 | .59 | Tinggi |
| 7 | Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan untuk menambah baik atau membaiki suatu amalan pendidikan | 3.55 | .55 | Tinggi |
| 8 | Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan menggalakkan guru untuk mereflek amalan mereka dan seterusnya melakukan perubahan terhadap amalan tersebut. | 3.54 | .51 | Tinggi |
| MIN KESELURUHAN | | 3.39 | .54 | Tinggi |


Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB adalah pada tahap yang tinggi iaitu pada skor min 3.39 dan sisihan piawai .54. Jika diperincikan, item “Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan untuk menambah baik atau memperbaiki suatu amalan pendidikan” adalah pada skor min tertinggi iaitu 3.55. Diikuti dengan item “Saya tahu tujuan penyelidikan tindakan menggalakkan guru untuk mereflek amalan mereka dan seterusnya melakukan perubahan terhadap amalan tersebut” dengan skor min 3.54. Seterusnya item “Saya tahu bahawa penyelidikan tinjauan menggunakan instrumen soal selidik sebagai instrumen utama” dengan skor min 3.53. Manakala item “Saya tahu penyelidikan kuasi eksperimen menggunakan dua kumpulan responden” mendapat skor min paling rendah iaitu 3.19 tetapi masih dalam interpretasi tinggi. Dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Jantan (2014) yang menyatakan pengetahuan yang cetek dalam ilmu penyelidikan adalah penyebab kurangnya inisiatif responden melaksanakan penyelidikan.

Dapatan bagi soalan kajian kedua: Menganalisis kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan.

Hasil analisis dapatan pada Rajah 3 menunjukkan kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan iaitu seramai 113 orang (59.2%) memilih penyelidikan tinjauan, diikuti 62 orang (32.5%) penyelidikan tindakan, seramai 12 orang (6.3%) penyelidikan kes dan 4 orang (2.1%) kuasi eksperimental.

Rajah 3

Kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan



(Sumber: Soal selidik, 2024)

Dapatan kajian menunjukkan kecenderungan pelajar paling ketara dalam penyelidikan tinjauan. Ini bertentangan dengan kajian oleh Ainur Rosyid (2020) yang majoriti respondennya memilih Penyelidikan Tindakan 33.3% berbanding Penyelidikan Tinjauan hanya 18.2% di sebuah universiti pendidikan di Indonesia ;

Dapatan bagi soalan kajian ketiga: Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK.

Bahagian ini menerangkan mengenai hasil data yang telah dianalisis berdasarkan 191 borang soal selidik yang dikembalikan. Maklumat yang diperoleh telah dianalisis dan dikategorikan berdasarkan julat skor kecenderungan pemilihan rekabentuk penyelidikan. Menurut Abdul Ghaffar dan Mohd Najib (2003), setelah data dianalisis, item-item boleh dikelaskan kepada lima julat kecenderungan yang berbeza berdasarkan julat skor yang diperoleh iaitu masing-masing sangat tidak cenderung ($1.00 < 1.80$), tidak cenderung ($1.80 < 2.60$), neutral ($2.60 < 3.40$), cenderung ($3.40 < 4.20$) dan sangat cenderung ($4.20 < 5.00$) seperti Jadual 4.

Jadual 4

Tahap Kecenderungan berdasarkan julat skor

| Skor | Tahap Kecenderungan | Julat Skor |
|------|------------------------|---------------|
| 1 | Sangat Tidak Cenderung | $1.00 < 1.80$ |
| 2 | Tidak Cenderung | $1.80 < 2.60$ |
| 3 | Neutral | $2.60 < 3.40$ |
| 4 | Cenderung | $3.40 < 4.20$ |
| 5 | Sangat Cenderung | $4.20 < 5.00$ |

(Sumber: Abdul Ghaffar dan Mohd Najib, 2003)

Dapatan bagi faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan rekabentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK adalah seperti terpapar dalam Jadual 5.

Jadual 5

Faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan dalam pemilihan rekabentuk penyelidikan

| BIL | ITEM | MIN | S.P | Kecenderungan |
|------------|--|-------------|------------|----------------------|
| 1 | Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana faham keperluan jenis penyelidikan yang dipilih | 3.40 | .49 | Cenderung |
| 2 | Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana saya mahir terhadap keperluan jenis penyelidikan yang dipilih | 3.19 | .57 | Neutral |
| 3 | Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh penyelaras penyelidikan Jabatan saya. | 3.15 | .64 | Neutral |
| 4 | Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh pensyarah pembimbing saya. | 3.24 | .59 | Neutral |
| 5 | Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI) telah memberi pendedahan yang jelas mengenai jenis rekabentuk penyelidikan | 3.28 | .54 | Neutral |
| 6 | Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana ada banyak rujukan diperolehi yang mudah dicapai . | 3.27 | .56 | Neutral |
| 7 | Saya memilih rekabentuk penyelidikan ini atas galakan dan saranan pelajar yang lebih <i>senior</i> | 2.86 | .77 | Neutral |
| | MIN KESELURUHAN | 3.20 | .59 | Neutral |

Dapatan soal selidik menunjukkan faktor kecenderungan pelajar dalam pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan keseluruhannya pada skor min 3.20 dengan sisihan piawai .59 pada iaitu tahap kecenderungan yang neutral. Jika diperincikan item yang paling tinggi mendapat skor min 3.40 pada tahap cenderung ialah "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana faham keperluan jenis penyelidikan yang dipilih." Diikuti dengan "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI) telah memberi pendedahan yang jelas mengenai jenis rekabentuk penyelidikan dengan skor min 3.28. Kemudian diikuti item "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana ada banyak rujukan diperolehi yang mudah dicapai dengan skor min 3.27. Seterusnya "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh pensyarah pembimbing saya" dengan skor min 3.24. Diikuti item "Saya memilih rekabentuk penyelidikan kerana dicadangkan oleh penyelaras penyelidikan Jabatan saya dengan skor miiin 3.15. Item paling neutral dengan skor min terendah 2.86 ialah "Saya memilih rekabentuk penyelidikan ini atas galakan dan saranan pelajar yang lebih *senior*".

Dapatan ini selari dengan dapatan Ainul Rosyid (2020) yang mendapati pemilihan reka bentuk penyelidikan dipengaruhi oleh diri mahasiswa sendiri dan pensyarah pembimbing. Iaitu pengetahuan dan kemampuan mahasiswa melakukan penyelidikan dan menyelesaikan isu dalam penyelidikannya. Manakala yang dimaksudkan dengan pensyarah pembimbing ialah kepakaran pensyarah dalam bidangnya dan kejayaannya dalam membimbing mahasiswa. Ini bertepatan dengan kajian Marina et al. (2020) yang menyatakan faktor pengetahuan pensyarah adalah salah satu faktor tertinggi dalam menjalankan penyelidikan. Dapatan kajian Anita (2023) menyatakan bilangan penghasilan penulisan penyelidikan dalam kalangan pensyarah di peringkat kebangsaan bagi tahun 2020 hanya 13 (10.4%) buah kajian berbanding pada tahun 2021 adalah sebanyak 39 (39.7%) buah kajian. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek bilangan dan peratus budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah IPG bagi tahun 2020 dan 2021 di peringkat kebangsaan. Peningkatan penghasilan penyelidikan disebabkan oleh pendedahan bengkel yang diadakan oleh pihak IPGM dan IPGK masing-masing dan adanya komitmen pihak pengurusan sememangnya telah berjaya meningkatkan penghasilan penulisan penyelidikan dalam

kalangan pensyarah. Shaliza et. al (2018) juga menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pengurusan kolej komuniti telah menggalakkan lebih ramai pensyarah mereka melakukan penyelidikan.

Dapatan bagi soalan kajian keempat: Mengkaji hubungan antara pengetahuan dengan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGK

Jadual 6

Hubungan antara tahap pengetahuan dan kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan

| Konstruk | Pekali Kolerasi Pearson (r) | Tahap Signifikan | Interpretasi Kekuatan Hubungan |
|--|-----------------------------|------------------|--------------------------------|
| Tahap pengetahuan dan kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan | -0.451 | .000 | Sederhana |

Nilai korelasi Pearson antara dua dapatan ini adalah kira-kira **0.451**. Ini menunjukkan hubungan negatif yang sederhana antara tahap pengetahuan dan kecenderungan pemilihan reka bentuk penyelidikan dalam kalangan pelajar IPGKTB.

Terdapat hubungan yang sederhana tetapi negatif antara tahap pengetahuan pelajar mengenai penyelidikan dan kecenderungan mereka dalam memilih reka bentuk penyelidikan.

Hubungan negatif bermaksud apabila tahap pengetahuan pelajar meningkat, kecenderungan mereka untuk memilih reka bentuk penyelidikan tertentu menurun, atau sebaliknya. **Hubungan sederhana** menunjukkan bahawa kekuatan hubungan ini tidak terlalu kuat tetapi masih signifikan.

Dalam konteks lain, pelajar yang mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi mungkin lebih kritikal atau selektif dalam memilih reka bentuk penyelidikan, manakala pelajar dengan pengetahuan yang lebih rendah mungkin lebih cenderung untuk memilih reka bentuk penyelidikan tanpa banyak pertimbangan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Fitrisehara Kazilan et.al (2009) mendapati sekalipun terdapat pelajar institusi latihan kemahiran yang percaya

bahawa mereka mempunyai kemahiran yang baik dalam membuat keputusan didapati kumpulan responden yang sama juga mempunyai kualiti rasionalisasi yang paling rendah berbanding faktor kemahiran berfikir yang lain.

Implikasi Kajian

Implikasi daripada kajian ini ialah IPGM mendapat figur yang tepat tentang kepelbagaian rekabentuk penyelidikan di sebuah kampus IPGK. Ternyata ini menepati hasrat yang diimpikan oleh IPGM agar pelajar sentiasa terdedah dan meneroka ilmu penyelidikan yang baru demi survival profesionalisme mereka.

Implikasi kepada pensyarah adalah untuk mempelbagaikan kemahiran dan kepakaran dalam menyampaikan pelbagai rekabentuk penyelidikan seiring dengan pilihan para pelajar dan yang dihasratkan oleh IPGM.

Cadangan Kajian Lanjutan

Dicadangkan agar kajian dilaksanakan di kampus-kampus IPGK yang lain, kerana manfaatnya yang besar kepada kampus. Malah digalakkan untuk menggunakan instrumen berbeza seperti temubual dan analisis dokumen.

Kesimpulan

Tuntasnya, kajian ini dapat menjawab soalan kajian dan berjaya mendedahkan figur sebenar pemilihan reka bentuk penyelidikan dan faktor-faktor yang mendorong kepada pemilihan tersebut. Ternyata tahap pengetahuan pelajar terhadap pemilihan reka bentuk penyelidikan berada pada tahap yang tinggi. Pelajar mengetahui keperluan jenis-jenis penyelidikan yang dipilih. Apabila ditinjau dari segi pemilihan reka bentuk penyelidikan, ternyata penyelidikan tinjauan mendapat pilihan majoriti responden, diikuti penyelidikan tindakan, penyelidikan kuasi eksperimen dan penyelidikan kes. Manakala faktor pemilihan reka bentuk penyelidikan adalah kerana mereka faham keperluan jenis penyelidikan yang dipilih, pendedahan yang jelas daripada jabatan yang menguruskan penyelidikan dan kesediaan bahan rujukan yang banyak.

Justeru, diharapkan dengan penerokaan jenis penyelidikan yang pelbagai dalam kalangan pelajar IPG dapat membantu usaha IPGM untuk mempertingkatkan dan memperkasakan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi. Hala tuju ini akan tercapai melalui pemantapan perancangan dan pengurusan penyelidikan, pembangunan kepakaran pensyarah dalam bidang penyelidikan, pemantapan pangkalan data penyelidikan, dan peningkatan kualiti dan pengantarabangsaan penyelidikan.

Rujukan

- Ainur Rosyid. (2020). Analisis kecenderungan penelitian mahasiswa sebagai tugas akhir studi sarjana program studi PGSD Universitas Esa Unggul. *Forum Ilmiah*. Vol 17, No 02
- Anita Binti Abu Hasan, Ros Eliana Binti Ahmad Zuki, Md Daud Bin Md Jani, Ngau Chai Hong, Santhanamary R. Anthony (2023), Budaya Penyelidikan Dalam Kalangan Pensyarah IPG: Satu Perbandingan, *Jurnal Penyelidikan MUADDIB*, Volume 16, No. 1, Pages 89 to 101
- Barry, B., (1970). *Sociologist, economists and democracy*. London: The MacMillan Company
- Chua Yan Piaw (2011) *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Edition: 2nd Edition. McGraw-Hill Education
- Efraim Turban, Jay E. Aronson, Ting-Peng Liang (2005). *Decision support systems and intelligent systems*. Pearson/Prentice Hall
- Fitriahara Kazilan, Ramlah Hamzah dan Ab. Rahim Bakar. (2009). Employability skills among the students of technical and vocational training centers in Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 9 (1), 147-160.
<https://doi.org/10.1108/17511341011073988>
- IPGM (2017). *Transformasi Institusi Pendidikan Guru 2016-2025, Edisi Kedua*. Penerbit IPGM
- IPGM (2024). *Dasar Penyelidikan dan Inovasi IPG Edisi 2*. Penerbit IPGM
- J. David Creswell.(2012) *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches(3rd ed.)*SAGE Publications
- James S. Coleman (2013). *Dasar-dasar Teori Sosial / Foundation of Sosial Theory*. Bandung: Nusa Media)
- Jantan, N. (2014). Isu-Isu Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Di Politeknik Merlimau Dan Kaedah Untuk Mengatasinya: Politeknik Merlimau Melaka. (PDF) *Professionalism Practice among Lecturers in Polytechnic in Malaysia*. Available from: https://www.researchgate.net/publication/324909024_Professionalism_Pactice_among_Lecturers_in_Polytechnic_in_Malaysia [accessed Oct 24 2024].
- John W. Creswell, J. David Creswell. (2018) *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches 5th Edition*.SAGE Publications

- Kalantari, B. (2010). Herbert A. Simon on making decisions: enduring insights and bounded rationality. *Journal of Management History*, Vol. 16 No. 4, pp. 509-520.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610
- Marina Muhammad Razaki, Linamalini Mat Nafi & Khairulnazrin Nasir (2020), Persepsi Pensyarah Terhadap Penyelidikan: Satu Kajian di KIAS, KUIS dan UniSHAMS, *Jurnal Rabbanica*, vol.1, no.1, (Nov 2020)
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003) *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru.
- Pusat Pembangunan Akademi, IPGM. (2018) *Buku Panduan Penyelidikan Tinjauan*. Penerbit IPGM
- Ritzer, George, dan Douglas J. Goodman, (2012). *Teori sosiologi modern edisi revisi*. Yogyakarta: Kreasi Wacana
- Shaliza Amira Sarif, Nurul Liyana Mahmud & Nuraishahtul Akmar Kamaruddin (2017).Kecenderungan menjalankan penyelidikan di kalangan pensyarah Kolej Komuniti Selandar, Melaka. *eProceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*.